



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : LATIHAN DAN PEMBANGUNAN**  
**KOD KURSUS : DSM2153**  
**PEPERIKSAAN : JANUARI 2024**  
**MASA : 3 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (40 Markah)  
BAHAGIAN B (60 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Kertas Jawapan Objektif
  - iii. Buku Jawapan

---


**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **12** HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---





KOLEJ WYSAZAN BELAJAR JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR

NAMA KURSUS : LATIHAN DAN PIRANADUNIAH  
TOD KURSUS : 08M153  
PEPERIKSAAN : JANUARI 2024  
MASA : 3 JAM

AWARAN KERTAS CADUK

Kertas caduk ini diperibadikan BUKU (2) cadukan  
DARIPADA 1 (100) KERTAS  
DARIPADA 2 (100) KERTAS

2. Calon tidak dibenarkan membawa alat tulis elektronik ke dalam bilik peperiksaan.  
3. Calon hendaklah menyerahkan kertas cadukan ini kepada pegawai pemeriksa.

4. Sila pastikan setiap cadukan hendaklah diisikan dengan jawapan yang betul.  
5. Kertas jawapan hendaklah diserahkan kepada pegawai pemeriksa.  
6. Kertas jawapan hendaklah diserahkan kepada pegawai pemeriksa.

JAWAPAN BUKU KERTAS BOALAY IM CINCING DIA DIBERTAHU

KERTAS CADUK INI MENYANDUNG 12 JAWAPAN BERTUTUR TERPISALUTAN KERTAS

**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan Objektif.

1. Jabatan Pengurusan telah menganjurkan program pengukuhan pasukan bagi meningkatkan kerjasama, keserasian dan pembentukan etika kerja dalam kalangan kakitangan jabatan tersebut. Apakah jenis program latihan yang dianjurkan Jabatan Pengurusan?.

- A Latihan jati diri.
- B Latihan peringatan.
- C Latihan perubahan sikap.
- D Latihan pembangunan refleks.

2. Program latihan yang efektif akan memberi manfaat kepada organisasi daripada aspek \_\_\_\_\_

- A kepuasan kerja.
- B peningkatan kerjaya.
- C meningkatkan produktiviti.
- D meningkatkan kadar pusing ganti pekerja.

3. Apakah perbezaan antara teori behaviorisme dan teori kognitif?

	<b>Teori Behaviorisme</b>	<b>Teori Kognitif</b>
<b>A</b>	Dipelopori oleh Pavlov dan Skinner.	Dipelopori oleh Lewin dan Ausubel.
<b>B</b>	Perasaan adalah penting dalam teori ini.	Emosi adalah penting dalam teori ini.
<b>C</b>	Tidak mempunyai hukum pembelajaran.	Mempunyai hukum pembelajaran.
<b>D</b>	Pembelajaran bergantung kepada persepsi dan proses pemikiran.	Pembelajaran sebagai satu perkaitan antara rangsangan dan gerak balas.

4. Nabilah memegang jawatan sebagai Pegawai Pemasaran di Syarikat Fantech Teknologi. Prestasi kerja Nabilah terjejas disebabkan beliau tidak mahir dalam perundingan dan komunikasi yang baik. Berdasarkan situasi tersebut, apakah usaha majikan bagi membantu meningkatkan prestasi Nabilah?
- A Melaksanakan program latihan.
  - B Melaksanakan program pendidikan.
  - C Melaksanakan program pembelajaran.
  - D Melaksanakan program pembangunan.
5. Asri ditugaskan untuk melaksanakan program latihan kepada pekerja bahagian pentadbiran. Beliau dikehendaki merancang program latihan tersebut berasaskan Model Asas Latihan Sistemik. Bantu Asri untuk menyusun Langkah-langkah dalam merancang program latihan tersebut.

	Langkah 1	Langkah 2	Langkah 3	Langkah 4
<b>A</b>	Membentuk kurikulum.	Membentuk objektif.	Memilih strategi latihan.	melaksanakan program latihan.
<b>B</b>	Menganalisis kerja.	Menilai latihan.	Menentukan kumpulan sasaran.	Melaksanakan latihan.
<b>C</b>	Mengkaji keperluan latihan.	Mereka bentuk latihan.	Melaksanakan latihan.	Menilai keberkesanan latihan.
<b>D</b>	Menentukan objektif latihan.	Membuat belanjawan.	Menyediakan latihan.	Membuat penilaian latihan.



6. Macro Marine Sdn. Bhd. menjalankan operasi di Pelabuhan Tanjung Pelepas. Syarikat tersebut menyasarkan 0% kemalangan di tempat kerja. Walau bagaimanapun, persekitaran kerja di pelabuhan tersebut berisiko dan pekerja memerlukan latihan keselamatan. Sebagai Pegawai Sumber Manusia di syarikat tersebut, manakah analisis yang sesuai dilaksanakan bagi memastikan latihan yang diberikan menepati objektif syarikat.
- A Analisis kerja.
  - B Analisis individu.
  - C Analisis organisasi.
  - D Analisis keperluan persekitaran.
7. Mengapakah sesebuah organisasi perlu melaksanakan analisis keperluan latihan?
- A Menganalisis data.
  - B Mereka bentuk objektif latihan.
  - C Menilai tahap pelaksanaan program latihan.
  - D Mengetahui permasalahan yang wujud dalam organisasi.
8. Objektif latihan harus dibina oleh Pengurus Program Latihan sebelum sesuatu program dijalankan. Anda diminta untuk membantu pengurus bagi menulis pernyataan objektif yang tepat dan sesuai.
- A Pada akhir program latihan pelatih akan dapat memikirkan peraturan-peraturan dalam organisasi.
  - B Pada akhir program latihan pelatih akan dapat memahami peraturan-peraturan dalam organisasi.
  - C Pada akhir program latihan pelatih akan dapat mengetahui peraturan-peraturan dalam organisasi.
  - D Pada akhir program latihan pelatih akan dapat menjelaskan peraturan-peraturan dalam organisasi.


9. Kursus ini secara umumnya bagi meningkatkan pengetahuan asas dan kemahiran peserta dalam menguruskan rekod-rekod Jabatan.

**Pernyataan 1**

Pernyataan 1 sesuai digunakan sebagai

- A objektif latihan.
  - B penilaian latihan.
  - C matlamat latihan.
  - D pengelasan latihan.
10. Dr. Aishah merupakan penceramah bagi Kursus Asas Pedagogi. Beliau perlu menerangkan berkenaan asas ilmu pendidikan dan proses melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran kepada peserta yang terdiri daripada pensyarah baharu. Berapakah peratusan masa yang perlu diperuntukkan bagi aktiviti penerangan tersebut?
- A 5%
  - B 10%
  - C 40%
  - D 55%
11. Sukatan pelajaran penting sebagai panduan kepada jurulatih dan pelatih. Manakah antara berikut tidak perlu dimasukkan dalam sukatan pembelajaran program latihan?
- A Masa.
  - B Bahan.
  - C Peralatan.
  - D Kelayakan.

12.




Gambar 1

Berdasarkan gambar 1, manakah antara berikut teknik latihan yang digunakan?

- A Vestibul.
- B Kajian kes.
- C Lakon peranan.
- D Pertunjukan kaedah.

13.



Rajah 1

Apakah X dan Y dalam rajah 1?

	X	Y
A	Kajian kes.	Lakon peranan.
B	Perbincangan.	Pembentangan.
C	Pensyarah jemputan.	Pensyarah kolej.
D	Pengajaran berpasukan.	Pensyarah jemputan.

14. Encik Shafiq menerima jemputan sebagai penceramah kursus motivasi anjuran Kolej Kemahiran Johor. Sebagai penganjur apakah tindakan sebelum kursus bagi memastikan pelaksanaan kursus tidak menghadapi masalah?
- A Melaksanakan sesi pendaftaran peserta.
  - B Mengurus keperluan logistik penceramah.
  - C Membuat tindakan susulan di tempat kerja.
  - D Menyedia bahan pengajaran dan peralatan yang diperlukan.
15. Khairul merupakan pekerja di Syarikat Peruncitan Eco 2 Mart. Setiap empat bulan pengurus beliau akan menempatkan beliau di bahagian yang berlainan seperti bahagian juruwang, bahagian pengurusan stok dan bahagian penyusunan produk. Apakah strategi yang digunakan oleh Peruncitan Eco 2 Mart?
- A Pusingan kerja.
  - B Latihan dan Pembangunan.
  - C Perancangan sumber manusia.
  - D Bengkel pembangunan kerjaya.
16. Antara berikut manakah sumber pusat latihan yang perlu diurus dengan cekap?
- A Teori latihan.
  - B Model latihan.
  - C Pengurus latihan.
  - D Peralatan latihan.



17. Farah adalah seorang penyelaras program latihan. Farah mendapati bahawa pelatihnya masih tidak boleh melaksanakan tugas dengan baik selepas menghadiri program latihan. Apakah kemungkinan punca yang menyebabkan perkara itu berlaku?

- i Pelatih yang tidak bermotivasi.
- ii Analisis organisasi yang tidak mencukupi.
- iii Tiada tindakan susulan di tempat kerja pelatih.
- iv Kemahiran diajar tiada kaitan dengan masalah di tempat kerja.

- A i dan ii
- B i, ii dan iii
- C ii, iii dan iv
- D Semua di atas.

18. Apakah perbezaan antara kesan pemindahan positif dengan kesan pemindahan negatif.

	<b>Kesan Pemindahan Positif</b>	<b>Kesan Pemindahan Negatif</b>
<b>A</b>	Halim merujuk buku manual cara-cara pemasangan komponen komputer.	Halim menonton tutorial cara-cara pemasangan komponen komputer.
<b>B</b>	Afiqah menggunakan mesin fotostat untuk membuat salinan dokumen dan imbasan dokumen.	Afiqah menggunakan mesin fotostat untuk membuat salinan dokumen, dan menggunakan mesin pengimbas untuk mengimbas dokumen.
<b>C</b>	Aniza memperoleh hasil jualan tudung sebanyak RM10,000 pada bulan Januari, dan RM12,000 pada bulan Februari setelah menggunakan teknik pemasaran dalam talian.	Aniza memperoleh hasil jualan tudung sebanyak RM10,000 pada bulan Januari, dan RM8,000 pada bulan Februari setelah menggunakan teknik pemasaran dalam talian.
<b>D</b>	Firdaus menggunakan kemahiran komunikasi sehalu di tempat kerja.	Firdaus menggunakan kemahiran komunikasi dua hala di tempat kerja.

19. Apakah tujuan penilaian latihan?

- A** Mengumpul maklumat organisasi.
- B** Mengetahui pengasas model penilaian latihan.
- C** Mengenal pasti kekuatan dan kelemahan program latihan.
- D** Mengkategorikan masalah yang dihadapi oleh pelatih di tempat kerja.

20.

A	Menulis dan membentangkan laporan penilaian.
B	Mengumpul dan menganalisis maklumat.
C	Membentuk soalan yang sesuai dengan indikator.
D	Membentuk instrumen penilaian.
E	Menentukan indikator penilaian
F	Membentuk objektif latihan.
G	Menetapkan peringkat latihan yang hendak dinilai.

**Pernyataan 2**

Berdasarkan pernyataan 2, susun semula langkah-langkah penilaian latihan bagi memastikan penilaian yang dilaksanakan bersistematik.

- A A,B,C,D,E,F, dan G
- B C,D,E,F,G,A, dan B
- C G,F,E,D,C,B, dan A
- D G,F,E,G,A,B, dan C

**[40 MARKAH]**



**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Encik Idzham dalam perancangan menganjurkan Program Latihan Kepimpinan kepada pekerja di bawah seliaannya. Walau bagaimanapun, beliau perlu mengkaji terlebih dahulu keperluan program latihan tersebut untuk memastikan objektifnya tercapai. Cadangkan kepada Encik Idzham **lima (5)** teknik analisis yang boleh digunakan untuk mengenal pasti keberkesanan program latihan berkenaan.

(10 markah)

○

- b. Bezakan antara matlamat latihan dan objektif latihan?

(10 markah)

**SOALAN 2**

- a. Encik Zul ditugaskan untuk mengendalikan program latihan mengikut sukatan pembelajaran dan perlu mengaplikasi kegiatan pembelajaran yang sesuai. Bantu Encik Zul mengetahui prinsip kegiatan pembelajaran tersebut bagi membolehkannya mengaplikasi dalam latihan yang akan dikendalikan.

(10 markah)

○

- b. Puan Haslinda menyampaikan syarahan berkaitan latar belakang organisasi dan aktiviti perniagaan organisasi kepada para peserta Kursus Induksi. Pada pendapat anda, mengapakah syarahan merupakan satu teknik yang berkesan digunakan dalam Kursus Induksi tersebut?

(10 markah)

**SOALAN 3**

- a. Model penilaian latihan Kirkpatrick mempunyai empat tahap penilaian yang berbeza. Bandingkan antara tahap satu dan tahap dua.

(8 markah)

- b. Encik Izzudin bekerja sebagai Pengurus Operasi di sebuah kilang kertas A4. Sebelum ini, pemotongan kertas A4 dilakukan secara manual. Pihak organisasi bercadang menukar proses kerja manual kepada penggunaan mesin pemotong. Bagaimanakah cara yang boleh dilakukan Encik Izzudin untuk memastikan para pekerja berjaya mengikuti perubahan proses kerja itu?

(12 markah)

**[60 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**

0

0